


PERSEPSI PELAJAR TERHADAP SET BORANG PENILAIAN PRESTASI
PERSYARAN

YUSRIZAL SUFARDI MOHD YUNAN


KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00077683 5

“ Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya, karya ini adalah memadai dari skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional”.

TANDATANGAN : 
Puan Halizah Bt Awang
Pensyarah
Jabatan Pendidikan Teknik & Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tya Hussein Onn

NAMA PENYELIA : PUAN HALIZAH BT AWANG

TARIKH : 7hb. Mac, 2003

SET BORANG PENILAIAN PRESTASI PENSYARAH POLITEKNIK


YUSRIZAL SUFARDI B. MOHD YUNAN

**Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional (PTV)**

**Jabatan Pendidikan Teknik
Dan Vokasional**

MAC 2003

“ Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 

Nama Penulis : **YUSRIZAL SUFARDI B. MOHD YUNAN**

Tarikh : **1 Mac 2003**

UNTAIAN KASIH

Buat **ibu** yang dikasihi dan Allahyarham **Papa** Yang Diingati...

“Terima Kasih Atas Kasih Sayang dan Pengorbananmu selama ini “

Buat Nenek Ayah dan Nenek Mak....

“Terima Kasih Atas Jagaanmu Selama Ini”

Buat Yunalis Akmal & Yusni Amazar bt. Mohd Yunan

“Terima Kasih Atas Keprihatinanmu Sebagai Seorang Uni”

Abang-abang dan uni-uni, seluruh ahli keluarga dan rakan taulan...

“Terima Kasih Atas Segalanya”

SEMOGA HIDUP KALIAN DIBERKATINYA DAN MOGA KETENANGAN HAKIKI ITU MILIHK KITA

BERSAMA.

MUTIARA KATA

Sebagai tanda penghargaan daripada penulis kepada pihak-pihak yang terlibat, jutaan terima kasih diucapkan atas sokongan dan tunjuk ajar dalam menjayakan Projek Sarjana ini.

Di sini juga saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan yang tinggi kepada **Puan Halizah bt Awang** selaku penyelia Projek Sarjana, atas bimbingan dan dorongan yang diberikan. Tanpa teguran serta panduan yang diberikan, tugas ini tidak akan dapat disempurnakan.

Jutaan terima kasih kepada pihak **En Salihin b. Jamian** kerana telah memberi kerjasama dalam menjayakan projek ini. Tidak lupa juga pelajar-pelajar semester akhir Jabatan Perdagangan, Politeknik Port Dickson kerana telah membantu dan memberi kerjasama dalam menjayakan projek ini.

Akhir sekali teristimewa kepada **Norzianis bt Rezali @ Abdul Sukor** serta rakan-rakan seperjuangan yang telah memberi semangat serta membantu secara langsung dan tidak langsung untuk menjayakan Projek Sarjana ini.

Salam Pernghargaan.

Yusrizal Sufardi b. Mohd Yunan

Mac 2001

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan bagi memenuhi syarat penganugerahan Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional. Tajuk kajian ini adalah 'Set Borang Penilaian Prestasi Pensyarah Politeknik'. Kajian ini dijalankan adalah untuk menilai kesesuaian set borang penilaian prestasi bagi digunakan oleh pensyarah politeknik. Responden kajian terdiri daripada pelajar Jabatan Perdagangan Politeknik Port Dickson. Seramai 86 orang pelajar telah dipilih secara rawak bagi mewakili populasi responden seramai 104 orang pelajar. Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah instrumentasi borang soal selidik. Penganalisan data adalah menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science* (SPSS) versi 11.0. Data dianalisis bagi mendapatkan peratusan dan juga min. Hasil dapatan menunjukkan keseluruhannya responden bersetuju dengan kesesuaian set borang penilaian yang telah dihasilkan serta memberikan pendapat agar set borang penilaian prestasi ini digunakan pada awal dan hujung semester. Pemilihan pelajar bagi mengisi set borang penilaian prestasi juga haruslah telus dan dilakukan secara rawak.

ABSTRACS

This research intentionally constructed to fulfill apart of the requirement to obtain Master Of Technical and Vocational Education. This study entitles ‘ A Study On The Conformity Of a Performance Appraisal Form Set For Lecturer. This research is done to evaluate conformity of a set performance appraisal form for lecturer. This research was in descriptive method. The research developed by using questionnaire form. Research is being prepared by selecting randomly 86 student on behalf 104 final semester student from Commerce Department, Polytechnic Port Dickson. Data analysis is done by using Statistical Package for Social Science version 11.0 (SPSS). Data analysis used to give percentage and average. The result show that overall respondent agree about conformity of a set performance assessment and give an idea that the performance assessment form was used at the beginning and the end of semester. They also want that selection for the student to give their evaluation should be selected randomly.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS KAJIAN	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACTS	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI LAMPIRAN	xii
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pernyataan Masalah	3
	1.3 Objektif Kajian	4
	1.4 Persoalan Kajian	5
	1.5 Kepentingan Kajian	6
	1.5.1 Pensyarah Jabatan	
	Perdagangan Politeknik Port Dickson	6
	1.5.2 Pelajar-pelajar Jabatan	

	Perdagangan Politeknik Port Dickson	6
	1.5.3 Politeknik Port Dickson	6
	1.5.3 Kementerian Pendidikan Malaysia	7
1.6	Definisi Istilah	7
	1.6.1 Penilaian Prestasi	7
	1.6.2 Profesionalisme	7
	1.6.3 Kemahiran Pedagogi	8
	1.6.4 Pengajaran	8

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	9
2.2	Profesionalisme dan Prestasi Pengajaran Pensyarah	10
2.3	Kemahiran Pedagogi dan Prestasi Kerja Pensyarah	12

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	17
3.2	Rekabentuk Kajian	17
3.3	Responden	18
3.4	Instrumen Kajian	18
3.5	Bahagian Soal Selidik	19
3.6	Kajian Rintis	20
3.7	Kaedah Analisis Data	21
	3.7.1 Kaedah Peratus Bagi Analisis Bahagian A	22

3.7.2	Kaedah Mencari Min Bagi Analisis.	
	Bahagian B	22
3.8	Andaian Kajian	23

BAB IV

REKABENTUK KAJIAN

4.1	Pengenalan	24
4.2	Latar Belakang Teori Penghasilan Produk	25
4.3	Rekabentuk Produk	26
	4.3.1 Bentuk Dan Ciri-Ciri Produk	26
	4.3.2 Bentuk Dan Ciri-Ciri Fizikal Produk	27
4.4	Kronologi Pembinaan Produk	27
4.5	Permasalahan Dalam Penghasilan Produk	28
	4.5.1 Masalah Dari Segi Masa	28
	4.5.2 Masalah Dari Segi Kos	28
4.6	Dokumentasi Produk	28
4.7	Penilaian set Borang Penilaian Prestasi	29
	4.7.1 Instrumen Untuk Menilai	
	Set Borang Penilaian Prestasi Menurut	
	Persepsi Pelajar	29
4.8	Pemilihan Sampel	30
4.9	Fokus Penilaian	30

BAB V

ANALISIS DATA

5.1	Pengenalan	31
5.2	Analisis Demografi Responden	32
4.3	Analisis Kesesuaian Penggunaan Set	
	Borang Penilaian Prestasi Menurut	
	Persepsi Pelajar	33

4.4	Analisis Kesesuaian Laras Bahasa Set Borang Penilaian Prestasi Menurut Persepsi Pelajar	36
4.5	Analisis Kesesuaian Rekabentuk Set Borang Penilaian Prestasi Menurut Persepsi Pelajar	37
4.6	Analisis Terhadap Masa Yang Sesuai Untuk Menggunakan Borang Penilaian Prestasi Menurut Persepsi Pelajar	38
4.7	Analisis Terhadap Kaedah Yang Sesuai Untuk Menggunakan Borang Penilaian Prestasi Menurut Persepsi Pelajar	39

BAB VI

KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pengenalan	42
6.2	Kesimpulan	42
6.2.1	Dapatan Analisis Kesesuaian Penggunaan Set Borang Penilaian Prestasi	43
6.2.2	Dapatan Analisis Kesesuaian Laras Bahasa Set Borang Penilaian Prestasi	45
6.2.3	Dapatan Analisis Kesesuaian Rekabentuk Set Borang Penilaian Prestasi	46
6.2.4	Dapatan Analisis Terhadap Masa Yang Sesuai Untuk Menggunakan Borang Penilaian Prestasi	47
6.2.5	Dapatan Analisis Terhadap Kaedah Yang Sesuai Untuk Menggunakan	

	Borang Penilaian Prestasi	48
6.3	Cadangan Kajian	49
	6.3.1 Cadangan Kepada Pensyarah	49
	6.3.2 Cadangan Kepada Pelajar	50
	6.3.3 Cadangan Kepada Politeknik Port Dickson	51
	6.3.4 Cadangan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	51
	6.3.5 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	51
6.4	Penutup	52
 BIBLIOGRAFI		54
 LAMPIRAN A – E		61

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.5.1	Skala Pemeringkatan Likert	20
5.2.1	Pecahan Peratusan Responden	
5.2.2	Mengikut Jantina	32
5.2.2	Pecahan Peratusan Responden	
	Mengikut Kursus	33
5.3.1	Analisis Kesesuaian Penggunaan	
	Set Borang Penilaian Prestasi Menurut	
	Persepsi Pelajar	33
5.4.1	Analisis Kesesuaian Laras	
	Bahasa Set Borang Penilaian	
	Prestasi Menurut Persepsi Pelajar	36
5.5.1	Analisis Kesesuaian Rekabentuk	
	Set Borang Penilaian Prestasi Menurut	
	Persepsi Pelajar	38
5.6.1	Analisis Terhadap Masa Yang	
	Sesuai Untuk Menggunakan	
	Set Borang Penilaian Prestasi	38
5.7.1	Analisis Terhadap Kaedah Yang	
	Sesuai Untuk Menggunakan Set	
	Borang Penilaian Prestasi Menurut	
	Persepsi Pelajar	39

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Pengesahan Pakar	57
B	Produk	58
C	Borang Soal Selidik	59
D	Keputusan Analisis Statistik	60
E	Kadar Ratio Persampelan Mengikut Krejeie, R. & Morgan, D.W	61

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dunia pendidikan di Malaysia mengharungi pelbagai cabaran dan rintangan dalam merealisasikan segala agenda-agenda pembangunan pendidikan abad ke 21. Peranan pendidikan dalam mencorakkan arus perubahan dan pembangunan masyarakat dan negara memerlukan anjakan paradigma yang lebih dinamis dan progresif.

Pelbagai langkah kementerian ke arah meningkatkan sistem pendidikan telah diambil dengan mengambil kira keperluan negara untuk mencorakkan dan mempertahankan kualiti, status, pencapaian, sumbangan dan pembangunan pendidikan negara ke peringkat *World Class Educational Excellent*.

Justeru itu dalam merealisasikan visi dan misi pendidikan, pihak kementerian telah banyak memperkenalkan dan melaksanakan perubahan secara berperingkat mengikut keperluan semasa terutama sekali dalam bidang kurikulum.

Untuk memastikan keberkesanan sesuatu kurikulum itu, perlulah dilakukan penilaian terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang mana pensyarah memainkan peranan penting dalam menjayakannya. Penilaian dalam konteks pendidikan adalah berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran iaitu penilaian ke atas prestasi pengajaran.

Sebelum ini apa yang diketahui adalah mengenai penilaian prestasi seseorang pendidik itu melalui penyeliaan penilaian yang dilakukan oleh pihak atasannya. Penilaian yang dilakukan lebih dikenali dengan nama Penyeliaan Pengajaran Pembelajaran Di Dalam Kelas yang sering di tekankan pelaksanaannya oleh pihak kementerian pendidikan.

Menurut Abdul Rahman Haji Arshad (1987) dalam Syarifah Zainon Syed Lani (2002), sebagai pemimpin profesionalisme di sekolahnya, tanggungjawab utama seorang Pengetua/Guru Besar ialah untuk memastikan kejayaan pelaksanaan kurikulum di sekolahnya. Pelaksanaan kurikulum dijalankan melalui proses dan aktiviti pengajaran-pembelajaran oleh guru-guru dan keberkesanan pelaksanaan kurikulum di sekolah memerlukan penyeliaan yang rapi dan sistematik dari pihak Pengetua/Guru Besar di sekolah itu. Ini termasuklah penyeliaan pengajaran pembelajaran terhadap guru di dalam kelas yang sepatutnya menjadi perkara yang diutamakan dalam senarai tugas dan tanggungjawab Pengetua/Guru Besar.

Senario yang berlaku di setengah-setengah institusi pendidikan ialah apabila memperkatakan tentang penilaian prestasi pengajaran, tergambar di fikiran mereka khasnya pendidik bahawa penilaian ialah satu proses di mana pihak atasan yang menjalankan penilaian akan menilai pensyarah yang mengajar dan kemudiannya diikuti dengan catatan penyelia samada dari segi kebaikan, penambahbaikan mahupun kelemahan seseorang pensyarah itu. Segala apa yang diselia atau diperhatikan dalam bilik darjah akan direkodkan untuk tujuan-tujuan tertentu.

Dalam konteks kajian ini, penilaian prestasi pengajaran bukan dilakukan oleh pentadbir sesuatu institusi pendidikan seperti Politeknik Port Dickson tetapi oleh pihak pelajar itu sendiri selaku pihak pelanggan yang menerima kesan langsung daripada prestasi pengajaran seseorang pensyarah.

Penilaian prestasi pengajaran pensyarah sepatutnya merupakan satu proses yang membawa kepada suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik dan sebagai aktiviti yang dapat meningkatkan dan menggalakkan perkembangan profesionalisme guru serta kecemerlangan pelajar.

1.2 Pernyataan Masalah

Pensyarah adalah merupakan individu yang paling hampir dengan pelajar. Mereka merupakan individu yang akan menyalurkan segala ilmu pendidikan mengikut bidang masing-masing kepada pelajar.

Dalam hal ini pensyarah adalah merupakan pihak yang akan membantu pihak kementerian pendidikan untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara. Oleh itu pensyarah adalah merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk merealisasikan visi dan misi yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Perdagangan Politeknik Port Dickson.

Sebagai pensyarah antara salah satu tugas utamanya adalah untuk melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&) di dalam kelas. Adalah tidak wajar sekali sekiranya seorang pensyarah itu mempunyai prestasi pengajaran yang rendah. Lebih memburukkan keadaan sekiranya pensyarah hanya menjalankan tugasnya seperti melepaskan batuk di tangga.

Menurut Mok Song Sang (1994), penilaian adalah suatu sistem atau proses yang meliputi aktiviti-aktiviti mengumpul maklumat tentang strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, untuk membuat analisis dan keputusan dengan tujuan mengambil tindakan yang sewajarnya seperti merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran selanjutnya dengan cara yang lebih berkesan.

Dalam hal ini maka penilaian prestasi pengajaran pensyarah oleh pelajar adalah merupakan antara cara yang boleh digunakan bagi menilai prestasi pengajaran seseorang pensyarah. Pelajar sebagai pelanggan bagi perkhidmatan pendidikan yang diberikan oleh pensyarah adalah merupakan antara pihak yang wajar diberikan tempat dalam menilai prestasi pensyarah.

Adalah penting bagi seseorang pensyarah itu untuk menjaga prestasi pengajarannya dari segi kemahiran pedagoginya dan profesionalisme dirinya sebagai seorang warga pendidik yang bergelar pensyarah.

Menurut Cruickshank, D.R *et al* (1999), guru yang efektif berpengetahuan bukan sahaja dalam subjek yang diajar tetapi juga dalam pedagogi dan pelajar.

Oleh itu bagi pensyarah yang tidak mahir atau malas untuk mengaplikasikan kemahiran pedagogi yang diketahuinya maka bererti pensyarah tersebut kurang efektif dan secara langsung akan memberi kesan negatif kepada prestasi akademik pelajarannya.

Manakala profesionalisme yang tinggi oleh pensyarah akan membentuknya untuk menjadi pensyarah yang lebih baik. Profesionalisme yang ditekankan dalam kajian ini melibatkan 2 perkara iaitu personaliti dan kelakuan pensyarah itu sendiri di dalam kelas.

Seorang pensyarah yang tidak menjaga profesionalismenya tidak akan dapat menjaga prestasi pengajarannya dan ini akan membawa kepada kemerosotan ke atas pelajarannya dalam bidang akademik amnya dan pada subjek yang di ajar khususnya.

Kreativiti seseorang guru dalam proses pembelajaran dan pengajaran dapat membina keyakinan dan semangat pelajar untuk berusaha bersungguh-sungguh (Zaliha Ismail dan Norlaila Zakaria, 1997).

Untuk itu seorang pelajar wajarlah sentiasa meningkatkan prestasinya dengan bersikap kreatif dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajarannya supaya pelajar mereka akan mencapai kejayaan yang cemerlang di dalam pelajarannya.

Oleh itu penilaian prestasi pensyarah oleh pelajar dilihat mampu untuk membantu pensyarah itu untuk mengenal kelemahannya di dalam aktiviti P&P seterusnya membaikinya agar prestasi pengajarannya akan menjadi lebih baik.

1.3 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini dibuat adalah untuk meninjau persepsi penggunaan set borang penilaian prestasi sebagai satu alat mekanisme bagi menilai prestasi pengajaran oleh pensyarah di Jabatan Perdagangan Politeknik Port Dickson dari kaca mata pelajar. Oleh itu lima objektif yang ingin di capai melalui kajian ini adalah seperti berikut:-

- i. Meninjau persepsi pelajar terhadap kesesuaian penggunaan set borang penilaian prestasi yang telah dihasilkan.
- ii. Meninjau persepsi pelajar terhadap kesesuaian laras bahasa borang penilaian prestasi yang dihasilkan.
- iii. Meninjau persepsi pelajar terhadap kesesuaian rekabentuk set borang penilaian prestasi yang dihasilkan.
- iv. Meninjau persepsi pelajar terhadap masa yang sesuai untuk menggunakan set borang penilaian prestasi yang dihasilkan.
- v. Meninjau persepsi pelajar terhadap kaedah yang sesuai untuk menggunakan set borang penilaian prestasi yang telah dihasilkan.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah, penyelidik mengutarakan soalan-soalan kajian seperti berikut:-

- i. Adakah set borang penilaian prestasi yang dihasilkan sesuai untuk digunakan bagi menilai prestasi pengajaran pensyarah menurut persepsi pelajar?

- ii. Adakah laras bahasa yang digunakan di dalam set borang penilaian prestasi yang dihasilkan sesuai menurut persepsi pelajar?
- iii. Adakah rekabentuk set borang penilaian prestasi yang dihasilkan itu sesuai menurut persepsi pelajar?
- iv. Apakah masa yang sesuai untuk mengedarkan set borang penilaian prestasi yang dihasilkan menurut persepsi pelajar?
- v. Apakah kaedah yang yang sesuai untuk mengedarkan set borang penilaian prestasi yang dihasilkan menurut persepsi pelajar?

1.5 Kepentingan Kajian

Terdapat empat pihak yang memperolehi manfaat hasil dari kajian yang dibuat ini. Tiga pihak tersebut adalah pihak pensyarah Jabatan Perdagangan Politeknik Port Dickson, pelajar-pelajar Jabatan Perdagangan Politeknik Port Dickson, Politeknik Port Dickson dan pihak Kementerian Pendidikan.

1.5.1 Pensyarah Jabatan Perdagangan Politeknik Port Dickson.

Dapatan kajian ini diharap akan dapat membantu pensyarah Jabatan Perdagangan Politeknik Port Dickson untuk memperolehi maklumbalas daripada pelajarannya mengenai prestasi pengajarannya di dalam kelas.

1.5.2 Pelajar-pelajar Jabatan Perdagangan Politeknik Port Dickson.

Dapatan kajian ini diharap akan dapat membantu pelajar-pelajar Jabatan Perdagangan Politeknik Port Dickson untuk memberikan maklum balas yang positif dan membina kepada pensyarahnya yang berkaitan dengan aktiviti pengajaran pensyarahnya

1.5.3 Politeknik Port Dickson.

Dapatan kajian ini diharap dapat membantu pihak Politeknik Port Dickson untuk meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran (P&P) pensyarah Jabatan Perdagangan Politeknik Port Dickson.

1.5.4 Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dapatan kajian ini diharap akan dapat membantu pihak kementerian pendidikan untuk meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajarannya (P&P) warga pendidik pada amnya dan para pensyarah Jabatan Perdagangan Politeknik Port Dickson khususnya.

1.6 Definisi Istilah.

Beberapa istilah atau ungkapan yang digunakan dalam kajian ini mungkin mengelirukan dari segi definisi istilah tersebut. Oleh itu beberapa istilah dan ungkapan yang dirasakan perlu diistilahkan adalah seperti berikut:

1.6.1 Penilaian Prestasi.

Leap dan Crino (1993) mendefinisikan penilaian prestasi sebagai proses pengukuran pencapaian prestasi kerja dari segi kuantitatif dan kualitatif. Kedua-dua aspek ini penting untuk membangunkan motivasi pekerja dan memperbaiki prestasi dan hasil kerja individu dalam organisasi.

Abd Aziz Yusof (1999) menyatakan bahawa penilaian prestasi adalah merupakan satu sistem formal yang membolehkan satu ulangkaji dan penilaian dibuat ke atas prestasi kerja. Ia merupakan satu proses kerja individu yang diperhati, dinilai, dicatat, dilapor, dibincang dan disusuli dengan tujuan meningkatkan kualiti dan kuantiti kerja yang dilakukan.

1.6.2 Profesionalisme.

Merujuk kepada sifat-sifat yang sepatutnya ada dan dipraktikkan oleh seorang profesional. Forrest W. Parkay (1998) menyatakan guru yang profesional adalah dipandu oleh satu nilai yang spesifik. Beliau akan memberikan komitmen yang cukup tinggi dan berterusan ke atas amalan perguruan yang profesional. Beliau juga telah mengamalkan satu tahap etika professional yang tinggi dan merupakan contoh teladan yang baik yang berdasarkan etika tersebut. Seorang guru yang profesional akan sentiasa berfikir mengenai cara untuk mengajar dengan lebih efektif dan mengamalkannya.

1.6.3 Kemahiran Pedagogi.

Kemahiran adalah merujuk kepada kecekapan atau kepandaian dalam melakukan sesuatu. Sharifah Alwiah Alsagoff (1986) mengatakan pedagogi ialah sains pengajaran. Oleh itu Kemahiran pedagogi bolehlah diertikan sebagai kecekapan atau kepandaian dalam mengaplikasikan sains pengajaran.